

26 OCT 1997

MAHATHIR MULA LAWATAN KE SLOVENIA, ESOK

LJUBLJANA, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok untuk memulakan lawatan rasmi selama tiga hari ke Republik Slovenia.

Dr Mahathir yang akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual tiba di ibukota negara Eropah Tengah ini pada pukul 5.30 petang waktu tempatan.

Slovenia adalah sebuah negara pesisir Laut Adriatik dengan bersempadankan Croatia, Austria, Hungary dan Itali.

Dr Mahathir akan memulakan acara rasmi dengan menghadiri majlis jamuan rasmi sebagai tetamu Perdana Menteri Slovenia Janez Drnovsek.

Beliau akan mengadakan perbincangan dengan Drnovsek pada hari kedua di pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir akan juga berucap pada mesyuarat ahli-ahli perniagaan dan melawat projek pembangunan dan pelancongan. -- BERNAMA

ZS AKD